

# Arkib cadang bahan dalam buku 'Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah' rujukan Sejarah Malaysia

OLEH MARRYAN RAZAN  
[marryan@newsabahtimes.com.my](mailto:marryan@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Arkib Negeri Sabah (ANS) akan mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk memasukkan bahan dalam buku 'Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah' sebagai rujukan untuk mata pelajaran Sejarah Malaysia.

Pengaruhnya Datuk Tigabelas Datu Zainal Abidin berkata, ini penting memandangkan mata pelajaran Sejarah bakal dijadikan subjek teras di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2013.

Beliau berkata, buku Sejarah yang lengkap setebal 86 muka surat itu dihasilkan oleh para penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan diterbitkan Arkib Negeri Sabah.

"Kita akan mengesyorkan kepada KPM supaya buku yang dihasilkan oleh UMS itu dijadikan sebagai bahan rujukan untuk mata pelajaran Sejarah kepada pelajar sekolah menengah.

"Sebelum ini, Kementerian Pelajaran telah memaklumkan bahawa pihaknya tidak dapat memasukkan bahan-bahan buku Sejarah yang berkaitan dengan Sabah khususnya perjuangan Datu Paduka Mat Salleh kerana isi kandungan buku-buku rujukan yang diterbitkan sebelum ini tidak selaras atau mengemukakan fakta Sejarah yang bercanggah.

"Oleh itu, pihak Arkib Negeri Sabah dengan kerjasama UMS telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan buku 'Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah' dan kita harap Kementerian Pelajaran dapat mempertimbangkan untuk menjadikannya sebagai rujukan mata pelajaran Sejarah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UMS dan Arkib Negeri Sabah 2011 di sini, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Gregory Joitol, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Nasrun Datu Mansur, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Prof Madya Dr.



TUKAR DOKUMEN...Tigabelas (kiri) bertukar dokumen dengan pihak UMS yang diwakili Kasim (dua dari kanan).

Kasim Hj. Mansur, Pendaftar UMS Mej (K) Abdullah Haji Mohd Said, dekan-dekan UMS dan pegawai Arkib.

Perjanjian persefahaman itu diwakili oleh Tigabelas dan disaksikan oleh Gregory bagi pihak kerajaan negeri dan bagi pihak UMS, diwakili oleh Kasim dan disaksikan oleh Abdullah.

Memorandum persefahaman itu antara lain bertujuan membolehkan kemudahan di organisasi masing-masing dapat digunakan secara efektif dan efisien, menyediakan maklumat sejarah yang berfakta dan berwibawa serta mewujudkan tatacara pengurusan rekod yang berkualiti untuk pembangunan masyarakat dan kegemilangan negara secara keseluruhannya.

Tigabelas berharap melalui MoU itu, pihak Arkib dan UMS dapat menghasilkan lebih banyak buku Sejarah Sabah yang lengkap dan berkualiti untuk dijadikan bahan rujukan bagi pelajar sekolah menengah dan rendah.

Pada 23 Oktober tahun lepas, Kementerian Pelajaran memutuskan untuk menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus di peringkat peperiksaan SPM mulai tahun 2013.

Ketika mengumumkan perkara itu, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata syarat wajib lulus itu sama

seperti mata pelajaran Bahasa Malaysia sebagai syarat untuk mendapat SPM. Bermula tahun 2014, di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), mata pelajaran Sejarah akan dijadikan sebagai mata pelajaran teras di peringkat sekolah rendah.

Berkenaan dengan MoU itu, Tigabelas berharap pihak UMS dapat bekerjasama bagi menjaya dan memperkasakan lagi program-program penyelidikan sejarah, pendidikan masyarakat, penganjuran krusus, seminar, forum, konvensyen, pameran, penerbitan buku-buku rujukan dan pengurusan rekod.

"Memorandum persefahaman ini akan memberikan manfaat kedua-dua pihak di mana Arkib mempunyai banyak maklumat atau sebagai gedung ilmu berkaitan dengan sejarah sesebuah negara atau wilayah dan UMS pula mempunyai kepakaran serta kemahiran dalam bidang penyelidikan."

"Selain itu, UMS mengiktiraf dan bersetuju menjadikan ANS sebagai Rakan Kongsi dan Pusat Sumber Rujukan Utama di negeri ini bagi para pensyarah dan penuntut universiti itu,"

Beliau berkata, selain menjalin kerjasama dengan institusi dalam negeri, negara luar seperti Brunei juga berminat untuk mengadakan kerjasama dengan Arkib Negeri Sabah.